

# Kongsi idea kaedah GFVC

## ■ UPM laksana program promosi rantaian nilai makanan global

Oleh Siti A'isyah Sukaimi

sitiaisyah@hmetro.com.my

Putrajaya

Universiti Putrajaya Malaysia (UPM) terpilih melaksanakan Program Kerjasama dengan Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun (MAFF) melalui ASEAN-JAPAN Program Network bagi mempromosi rantaian nilai makanan global (GFVC).

Naib Canselor UPM Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli berkata, pihaknya bangga apabila institusi pengajian itu dipilih melaksanakan Program Kerjasama UPM-MFF, sekali gus memberi peluang kepada penuntut dan tenaga pengajar akademik berkongsi idea, ilmu pengetahuan dan pengalaman mengenai GFVC.

“Saya juga gembira apabila mengetahui iaitu Jepun sangat aktif melaksanakan kerjasama berhubung industri makanan bersama penuntut di negara ASEAN.

“Cara dan kaedah dilaksanakan Jepun dalam rantaian nilai iaitu daripada produk makanan sehingga ia sampai kepada pengguna adalah sesuatu yang perlu dikongsi bersama penuntut dan pengajar akademik di



FAUZI

Malaysia,” katanya berucap pada pelancaran Program Kerjasama UPM-MFF, di sini, baru-baru ini.

Program Kerjasama UPM-MFF meliputi perkongsian maklumat dan pengalaman daripada pihak industri asas tani dan makanan dari Jepun kepada penuntut institusi pengajian tinggi di negara ASEAN.

Menerusi program itu, setiap penceramah dari pihak industri Jepun dapat berkongsi maklumat dan pengalaman sebagai satu sesi seminar rantaian nilai makanan selama dua jam bagi 10 minggu terpilih.

Ia akan diadakan kepada

Saya juga gembira apabila mengetahui Jepun sangat aktif melaksanakan kerjasama berhubung industri makanan bersama penuntut di negara ASEAN”

**Mohd Fauzi Ramli**

penuntut yang mengikuti kursus tertentu di Fakulti Pertanian UPM dan penuntut lain yang berminat dalam bidang pengurusan GFVC.

Mengulas lanjut, Mohd Fauzi berkata, program kerjasama itu juga mengeratkan lagi jalinan hubungan antara Malaysia dan Jepun yang sekian lama terjalin.

“Jepun adalah rakan dagangan kedua terbesar ASEAN dan sumber kedua terbesar bagi pelaburan langsung asing (FDI) ke ASEAN.

“Diharap program kerjasama ini membolehkan pertukaran ilmu dan maklumat, sekali gus memberi inspirasi kepada kita bagi meningkatkan kreativiti serta menambah baik tahap keselamatan makanan pada masa akan datang,” katanya.